

08/01/2000

Shahidan rela tidak tanding Naib Presiden

KANGAR, Jumaat - Ketua Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kesedian beliau menawarkan diri bertanding jawatan Naib Presiden sebelum ini, adalah kerana beranggapan tidak ramai akan berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, apa yang berlaku adalah sebaliknya apabila kebekalangan ini semakin ramai ahli parti menyatakan hasrat bertanding jawatan itu.

Antara tokoh Umno yang menyatakan hasrat itu termasuk Datuk Seri Najib Tun Razak yang akan mempertahankan jawatan berkenaan; Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Shahidan bagaimanapun berkata, jika ada menerima pencalonan daripada banyak bahagian, beliau sedia menimbangkannya.

"Apa pun saya sebagai gurkha parti akan tetap berusaha bagi memastikan kedudukan parti tidak terjejas atau rosak akibat pertandingan merebut jawatan tertinggi dalam parti itu.

"Walaupun terpaksa berkorban, termasuk tidak bertanding jawatan Naib Presiden dan MT (jawatan yang disandang sekarang ini), tetapi demi perpaduan parti, saya rela," katanya.

Menurutnya, oleh kerana lebih mengutamakan keharmonian dan perpaduan dalam parti melebihi segalanya, beliau sedia menarik diri tambahan pula ahli parti yang menawarkan diri untuk bertanding jawatan itu adalah layak.

Terdahulu, Shahidan menasihatkan bahagian Umno menerima baik keputusan Majlis Tertinggi (MT) yang mengesyorkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi.

Bagaimanapun, menurutnya, terpulang kepada bahagian jika mempunyai pandangan atau pendapat berbeza daripada cadangan MT itu.

"Lagi pun, keputusan MT adalah berupa nasihat dan bukan arahan. Jadi sekiranya ada bahagian yang mungkin tidak setuju dengan cadangan MT itu saya berpendapat mereka (bahagian) tidak seharusnya membuat sebarang kenyataan yang boleh merosakan keutuhan dan perpaduan parti," katanya di pejabatnya, di sini, hari ini.

Shahidan menyatakan demikian sebagai mengulas laporan akhbar berhubung kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Alor Star, Rabu lalu.

Menurut laporan itu, Perdana Menteri berkata, bahagian mempunyai hak mencalonkan sesiapa saja untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden pada pemilihan parti Mei ini kerana Umno mengamalkan demokrasi.

Katanya, MT hanya mengesyorkan supaya dua jawatan tertinggi parti itu tidak dipertandingkan pada pemilihan kali ini.

Bagaimanapun, katanya, terpulanglah kepada bahagian sama ada untuk mematuhi cadangan MT itu atau sebaliknya.

Shahidan yang juga Menteri Besar berkata, bahagian yang mempunyai pandangan berbeza atau tidak setuju dengan keputusan MT boleh mengenyepikan cadangan itu.

"Jika bahagian mempunyai pandangan berbeza daripada MT, itu adalah hak mereka, saya tak boleh halang mereka (bahagian) jika ingin mencalonkan sesiapa untuk merebut jawatan itu.

"Biar apa pun saya berharap pertandingan akan berjalan dalam keadaan yang baik. Perkara yang lebih penting dan perlu diberi perhatian ialah perpaduan dalam parti," katanya.

(END)